

08 NOV 2001

Parlimen-Bahas

BAHAGIAN PENYELIDIKAN PARLIMEN DICADANG DITUBUHKAN

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Seorang anggota penyokong kerajaan mencadangkan supaya Parlimen menubuhkan Bahagian Penyelidikan bagi membantu memudahkan anggota Dewan Rakyat mendapat maklumat.

Datuk Ahmad Husni Hanadzlah (BN-Tambun) berkata Bahagian Penyelidikan itu boleh berfungsi dengan mengumpul maklumat dalam pelbagai aspek dan boleh digunakan oleh semua anggota dewan.

"Parlimen sebagai hiraki tertinggi institusi negara mesti mempunyai maklumat yang lengkap kerana laporan daripada media sahaja masih tidak mencukupi," katanya ketika membahaskan Belanjawan 2002 peringkat jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Beliau memberi contoh peranan Bahagian Penyelidikan di beberapa negara termasuk Kanada, Amerika Syarikat dan Australia yang banyak membantu anggota Parlimen mendapatkan bahan penyelidikan dan seterusnya menghasilkan mutu perbahasan yang berkualiti.

Ahmad Husni turut mempersoalkan keberkesanan Biro Tatanegara (BTN) yang masih menggunakan modul yang telah ketinggalan dan sukar diterima oleh peserta kursus itu.

Katanya kursus anjuran BTN ketika ini tidak mencapai matlamat untuk melahirkan masyarakat yang taat dan setia kepada negara, sebaliknya hanya menjadi sia-sia sahaja.

Beliau juga mahu Majlis Keselamatan Negara memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menangani isu serius seperti Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dengan segera memberi penjelasan kepada ketua jabatan kerajaan, swasta serta pemimpin masyarakat.

Cadangan beliau supaya Parlimen menubuhkan Bahagian Penyelidikan itu turut disokong Datuk Dr Hassan Mohamed Ali (PAS-Parit Buntar) dan Chang See Ten (BN-Gelang Patah) yang berpendapat cadangan itu akan membolehkan anggota Dewan Rakyat menyediakan bahan perbahasan berkualiti.

Sementara itu, Dr Hassan turut mempersoalkan peranan Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang mengangap laporan terhadap salah laku dan penyelewengan kuasa Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamad Khir Toyo, hanya sebagai memberi maklumat dan bukan laporan rasmi.

Katanya BPR mahu laporan dakwaan kes penyelewengan itu dibuat kali kedua yang boleh dianggap sebagai laporan rasmi.

Mastika Junaidah Husin (BN-Arau) pula yang menyentuh mengenai peruntukan kepada Putrajaya mencadangkan supaya beberapa penyambut tetamu ditempatkan di pejabat-pejabat di pusat pentadbiran persekutuan itu.

Katanya ini kerana kawasan dan bangunan pejabat yang banyak itu mungkin boleh membuatkan seseorang itu sesat.

Beliau mengakui sesat beberapa kali apabila berkunjung ke pejabat-pejabat di Putrajaya kerana terlalu banyak lorong menuju ke bilik-bilik pejabat.

Beliau turut mencadangkan supaya pihak yang bertanggungjawab merancang aktiviti yang memberi peluang orang ramai sama-sama menikmati keindahan Putrajaya.

Beliau juga mencadangkan supaya Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ditubuhkan di peringkat negeri.

Tujuan mengadakan wakil MTEN di peringkat negeri ialah bagi membantu Menteri Besar memberi buah fikiran dalam rancangan membangunkan sesebuah negeri itu.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) mencadangkan keanggotaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diperluaskan dengan turut meletakkan tokoh agama sebagai penasihat terutamanya berhubung ucapan oleh tokoh politik yang menggunakan isu agama.

Katanya SPR juga perlu memastikan pindaan peraturan berkaitan pilihan raya yang dicadangkan tahun depan turut memasukkan peraturan tertentu bagi memastikan tiada unsur-unsur yang boleh memecahbelahkan masyarakat dilakukan semasa kempen pilihan raya.

Sementara itu, Datuk Kamaruddin Jaafar (PAS-Tumpat) mencadangkan supaya MTEN yang ditubuhkan bagi menangani kegawatan ekonomi pada 1998, dibubarkan.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan perlu diberi tanggungjawab menguruskan sepenuhnya soal kewangan dan tidak lagi memerlukan MTEN.

Beliau juga mencadangkan supaya jawatan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat yang ketika ini berjumlah dua orang ditambah dengan melantik seorang wakil dari kalangan anggota pembangkang.

-- BERNAMA  
RZS RZS LAT